


LAPORAN TAHUNAN | 2019

MESUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-52





KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS
(MALAYSIA) BERHAD,
31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

Tel : 03-22824647 Faks: 03-22826334
Email : admin@knstp.com.my
Website : www.koopnstp.my
Facebook : @koopnstp
Instagram : koopnstp

*Amazing selection and
fantastic choice...*



MUHAIMIN JEWELS & GEMS SDN BHD

16-05, Studio 14, Persiaran Perbandaran,
Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.

Tel : +603 5523 6916
Fax : +603 5523 0070
PJ Showroom (Eda) : +6012 630 9848
The Mines Showroom
Tel : +603 8941 9770
Fax : +603 8939 2079
Email : muhaimincorp@gmail.com

<https://www.muhaiminjewels.com.my>

HAUS[®]
COSMETICS

Confidence Is Perfection

Y
D
1
T
/ VEGAN &
CRUELTY-FREE
MICROBIOME
TECHNOLOGY



HALAL
CERTIFIED FACTORY
#HalalCosmetics

BSB



Innovation Prize
Cosmetics 2018

1. Prize Category Most Innovative Raw Material

in-cosmetics[®]
global

Innovation Zone
Best Ingredient
Award 2018

SILVER

in-cosmetics[®]
asia

Innovation Zone
Best Ingredient
Award 2018

BRONZE

SUESYAQIRA



011 - 1943 8889



sue syaqira sue



syaqirabeautystore


www.hauscosmetics.com



COOP

BA100

BA100: Pelaksanaan melalui Sistem JiMAT



Didokong oleh:



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

Dengan kerjasama:



SURUHANJAYA
KOPERASI
Malaysia



angkasa



INSTITUT
KOPERASI
MALAYSIA

JiMAT BIZ

Layarilah
www.jimatbiz.com

dan daftar sebagai peruncit
atau pembekal BA100

JiMAT SHOP

Layarilah
www.jimatshop.com

dan beli barang runcit di
kedai koperasi berdekatan anda

Maklumat Korporat	6
Kata-kata Aluan dari Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia	7
Kata-kata Aluan dari Interim Ketua Pegawai Eksekutif The NSTP (M) Berhad	8
Kata-kata Aluan dari Pengerusi Koperasi NSTP (M) Berhad	9
Anggota Lembaga Koperasi NSTP (M) Bhd Sesi 2019/2020	10
Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi NSTP (M) Bhd Sesi 2019/2020	11
Kakitangan Koperasi NSTP (M) Berhad	12
Aktiviti Koperasi NSTP 2019	14
Notis dan Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-52	16
Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-51	17
Kehadiran Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-51	33
Laporan Lembaga Tahun 2019	36
Laporan Jawatankuasa Kecil Tahun 2019	
Laporan JKK Kewangan, Pentadbiran & Modal Insan	39
Laporan JKK Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Coop Mart	42
Laporan JKK Kutipan, Litigasi & Pengurusan Risiko	44
Laporan JKK Komersial & Bisnes	47
Laporan JKK Ar-Rahnu	50
Laporan JKK Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi	52
Lampiran A – Mesyuarat Agung Kawasan	56
Lampiran B – Senarai Nama Perwakilan sesi 2020/2022	57
Lampiran C - Kursus & Seminar Tahun 2019	58
Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Sesi 2019/2020	62
Pandangan Suruhanjaya Ke Atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir 31 Disember 2018	65
Laporan Juruaudit Bebas	69
Laporan Berkanun Lembaga	73
Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019	75
Pindaan Anggaran Pendapatan & Perbelanjaan Tahun 2020 Anggaran Pendapatan & Perbelanjaan Tahun 2021	112

MAKLUMAT KOPERASI

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD

No. Pendaftaran	:	4369
Pejabat Berdaftar/ Ibu Pejabat	:	31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.
Tel	:	+60 (3) 2282 4647
Fax	:	+60 (3) 2282 6334
Emel	:	admin@knstp.com.my
Laman Web	:	http://www.koopnstp.my
Facebook	:	Koperasi New Straits Times Press Malaysia Berhad
Instagram	:	koopnstp
Alamat Cawangan	:	1) Ar-Rahnu X'Change Koperasi NSTP (Dataran Mentari) No. A-G-1, Blok A Arena, Mentari, Jalan PJS 8/15, Dataran Mentari, 46150 Petaling Jaya, Selangor. Tel : +60 (3) 5637 7277 Fax: +60 (3) 5637 7677
		2) Ar-Rahnu X'Change Koperasi NSTP (Bandar Seri Putra) No.26, Tingkat Bawah, Jalan Seri Putra 1/2, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor. Tel : +60 (3) 8925 9519 Fax: +60 (3) 8925 9518

Motto KAMI,
"Maju Koperasi Anggota Bahagia"

VISI

Menjadi sebuah koperasi yang memenuhi keperluan kewangan anggota dan masyarakat dengan memberi pelbagai perkhidmatan yang mesra pelanggan serta patuh syariah.

MISI

- Memberi kemudahan terbaik melalui tabungan, skim pembiayaan, skim perlindungan, skim kebajikan serta apa jua kemudahan yang bermanfaat kepada anggota dan masyarakat umum;
- Memenuhi kehendak anggota dengan memperkuatkan sosio-ekonomi;
- Meningkatkan prestasi kewangan yang bernilai tinggi;
- Menyediakan modal insan yang profesional & efisien serta patuh syariah;
- Menjadi koperasi 20 terbaik & terunggul di Malaysia;
- Meningkatkan pulangan kewangan dalam bentuk dividen dan bonus dengan kadar yang kompetitif;
- Mempelbagaikan aktiviti untuk menjana pendapatan;
- Menjadikan E-knstp sebagai saluran informasi dan komunikasi dalam urusan perkhidmatan;
- Memenuhi kebajikan anggota seiring dengan tanggungjawab sosial korporat.

KATA-KATA ALUAN

PENGARAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

*Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh
Dan Salam Sejahtera*

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya serta ucapan jutaan terima kasih kepada pihak Pengerusi dan Barisan Anggota Lembaga Pengarah Koperasi New Straits Times Press Malaysia Berhad (KNSTP) kerana memberi peluang kepada saya mengabdikan kata alu-aluan di dalam Buku Laporan Tahunan KNSTP pada tahun 2019.

Syabas dan tahniah kepada Anggota Lembaga Koperasi yang telah menjalankan amanah dan tanggungjawab yang baik selaras dengan kehendak Akta Koperasi 1993 dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan. Pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia berasa bangga melihat kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai hasil bimbingan yang baik diterajui oleh barisan Anggota Lembaga KNSTP, komitmen yang baik dikalangan anggota dan pengurusan KNSTP yang berdedikasi.

Mesyuarat Agung Tahunan merupakan satu pentas yang penting bagi semua pemegang saham sesebuah Koperasi untuk memantau, mengkaji semula, membincang, menukar pandangan dan idea tentang prestasi Koperasi sambil merangka rancangan dan strategi pembangunan Koperasi. Saya berharap bahawa pihak Lembaga, pengurusan dan perwakilan KNSTP dapat mengambil kesempatan penuh dari pentas ini supaya mencapai keputusan dan konsensus tentang perkembangan KNSTP dan justeru meningkatkan tahap pencapaian KNSTP demi manfaat para anggota.

Saya mendoakan agar pada tahun 2020, KNSTP akan terus berkembang maju dan merealisasikan perancangan yang telah dirancang melalui Perancangan Perniagaannya dengan jayanya. Kami di pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia sentiasa sedia membantu memberi bimbingan dan sokongan yang diperlukan oleh pihak KNSTP dari semasa ke semasa.

Akhir kata saya berharap dan memanjatkan doa agar Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KNSTP kali ke 52 akan berlangsung dengan lancar dan jayanya.

Sekian, terima kasih



AMRAN BIN HAJI ABD KADIR
Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Wilayah Persekutuan



KATA-KATA ALUAN

INTERIM KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF THE NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD



Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

*Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh
Dan Salam Sejahtera*

Terlebih dahulu ucapan terima kasih saya kepada pihak Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (KNSTP) kerana memberi ruang dan kesempatan kepada saya untuk memberikan sepatah dua kata di dalam Laporan Tahunan 2019 ini bersempena dengan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-52.

Syabas dan tahniah kepada Anggota Lembaga Koperasi yang telah menjalankan amanah dan berdasarkan pemerhatian saya, KNSTP adalah sebuah organisasi yang membantu anggota-anggota

dengan memberi perkhidmatan terbaik seperti kredit, perlindungan diri serta keluarga dan perniagaan runcit. Selain itu, kepelbagaiannya perniagaan terutama Ar-Rahnu X'Change (pajak gadai Islam) dan pelaburan hartanah turut membantu meningkatkan pendapatan koperasi. Dengan perkhidmatan ini, anggota akan menerima pulangan melalui dividen setiap tahun.

Alhamdulillah, dengan cabaran yang berlaku pada tahun 2019, Koperasi NSTP masih berkemampuan mengagihkan dividen kepada anggota-anggotanya.

Tahniah diucapkan kepada KNSTP dengan pembukaan cawangan kedua Ar-Rahnu X'Change di Bandar Seri Putra, Bangi, Selangor pada Mac 2019 yang lalu.

Saya selaku Interim Ketua Pegawai Eksekutif NSTP yakin pengurusan KNSTP dengan diterajui oleh barisan Anggota Lembaga mampu dan bersedia untuk menghadapi sebarang cabaran dan dugaan yang mendarat. Usaha gigih pasti akan memberikan kejayaan.

Kepada para perwakilan sekalian, saya berharap anda dapat memanfaatkan kehadiran di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ini dengan memberikan idea-idea baru dan pendapat yang bernes bagi memastikan matlamat dan hala tuju KNSTP tercapai.

Selamat Maju Jaya. Wassalam

MUSTAPHA KAMIL MOHD JANOR
INTERIM KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
THE NEW STRAITS TIMES PRESS (M) BERHAD
22 Julai 2020

KATA-KATA ALUAN PENGERUSI KOPERASI NEW STRAITS TIMES (MALAYSIA) BERHAD

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

*Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh
Dan Salam Sejahtera*

Alhamdulillah, dengan rasa syukur ke hadrat Allah SWT serta restu-Nya, Koperasi New Straits Times Press (M) Berhad (KNSTP) berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-52 dan masih menunjukkan prestasi yang baik selaras kehendak Akta Koperasi 1993

Sebagaimana yang telah diketahui, perlaksanaan penstrukturkan semula syarikat Media Prima Berhad telah membawa pelbagai cabaran kepada KNSTP. Dengan berkat perancangan dan langkah-langkah yang telah diambil serta kerjasama erat antara barisan Anggota Lembaga dan kakitangan serta sokongan anggota-anggota KNSTP, Alhamdulillah hari ini, KNSTP masih terus berdiri teguh mengerakkan kelangsungan legasi yang telah dibina selama 52 tahun.



Sudah tiba masanya KNSTP mengurangkan kebergantungan kepada perniagaan teras iaitu kredit dan memberi tumpuan kepada perniagaan pajak gadai Islam (Ar Rahnu X'Change) dimana KNSTP kini telah mempunyai dua buah cawangan. Disamping itu juga KNSTP akan menceburi bidang perniagaan yang akan memberi faedah kepada anggotanya.

Saya percaya, KNSTP punya keupayaan untuk bangkit semula dan mencapai matlamat yang dimahukan di masa hadapan. Hakikatnya, gerakan koperasi itu sendiri diteraskan oleh semangat bersatu padu, bekerjasama, tolong-menolong serta jujur dan ikhlas.

Setinggi penghargaan kepada En Mustapa Kamil, Interim Ketua Pegawai Eksekutif NSTP, pengurusan Kumpulan Media Prima Berhad, Allianz General Insurance Company Berhad, Sunlife Assurance Malaysia Berhad, Malay Mail Sdn Bhd, Media Travel & Holidays Sdn Bhd atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

Ucapan penghargaan juga diberikan kepada En Amran Abd Kadir, Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia atas sokongan dan khidmat nasihat yang diberikan.

Akhir kata, saya mendoakan agar KNSTP akan terus maju dan menempa kejayaan yang lebih besar di masa-masa akan datang. Saya juga berharap kerjasama yang berterusan dari anggota KNSTP terutama perwakilan untuk pemulihan ekonomi KNSTP di tahun yang mendatang. Marilah kita sama-sama mendoakan agar KNSTP terus mampan dan berinspirasi untuk menongkah arus perubahan norma perniagaan.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum wrt.

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”


MOHD FADZIL ABDUL GHANI
Pengerusi
22 Julai 2020



ANGGOTA LEMBAGA SESI 2019/2020

1. **Mohd Fadzil Bin Abdul Ghani**
Pengerusi
2. **Zulfakar Bin Wahib**
Setiausaha
3. **Abdul Rahim Bin Llin**
Bendahari
4. **Baharuddin Bin Ishak**
Penolong Setiausaha
5. **Mohammad Anis Bin Abdullah**
Penolong Bendahari

6. **Khairuzzaman Bin Mohammad**
Anggota Lembaga
7. **Mohamad Wafi Bin Mohamad Arof**
Anggota Lembaga
8. **Salehudin Shah Bin Shabudin**
Anggota Lembaga
9. **Kamarulzaman Bin Pid**
Anggota Lembaga
10. **Ahmad Shukran Bin Haji Mohamed Salleh**
Anggota Lembaga
11. **Dauza Binti Umat**
Anggota Lembaga
12. **Khairi Bin Abdul Khalid**
Anggota Lembaga



JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SESI 2019/2020

DUDUK DARI KIRI

Mohd Faizal Bin Abdul Azis
Ahli JKAD

Mohd Hidzir Bin Md Ismail
Pengerusi JKAD

Mohd Hafiz Bin Mohamad Ghazali
Ahli JKAD

BERDIRI DARI KIRI

Mohamad Bin Yahya
Ahli JKAD

Rameshdev Singh a/l Gordeyap Singh
Ahli JKAD



KAKITANGAN IBU PEJABAT

DUDUK DARI KIRI

Pn. Nazirah Abd Manap
Eksekutif Unit Komersial & Bisnes
Sdr. Ridzwan Ahmad
Pengurus Operasi
Pn. Rodziah Jamaah
Pengurus Besar
Sdr. Amir Mat Kupli @ Kupli
Penolong Pengurus, Unit Ar-Rahnu
Pn. Azlina Ibrahim
Eksekutif Kanan, Unit Pentadbiran,
Keanggotaan, Modal Insan & Komunikasi

BERDIRI DARI KIRI

Pn. Normaheran Baharuddin
Sdr. Abdul Syahid Abd Mutualib,
Pn. Noorhazifah Mohd Aminoor
Pn. Zuliza Jumai
Sdr. Ismadi Ismail
Sdri. Nor Khairina Leela Nasaruddin
Pn. Nor Amiza Azizi,
Sdr. Mohd Fakhri Abdul Koles
Pn. Nur Azian A'Arif

KAKITANGAN AR-RAHNU X'CHANGE



CAWANGAN DATARAN MENTARI

BERDIRI DARI KIRI

Pn. Anis Nadhirah Mohd Isa
Sdr. Mohd Nazri Johari
Pn. Nur Ashieqin Abd Malid
(Ketua Cawangan)
Sdri. Nur Shahirah Abdul Hamid

CAWANGAN BANDAR SERI PUTRA

BERDIRI DARI KIRI

Sdr. Muhamad Zulhairi Zaharuddin
Sdri. Ainin Sofea Abd Basid
(Ketua Cawangan)
Sdri. Fatin Nabilah Kamarul Baharin

AKTIVITI KOPERASI NSTP 2019

MAJLIS PELANCARAN AR-RAHNU X'CHANGE CAWANGAN BANDAR SERI PUTRA PADA 16 APRIL 2019



1. Sesi penerangan berkenaan Kaedah Penilaian Emas kepada tetamu kehormat.
2. Majlis dirasmikan oleh Ybhg En Zahari Bin Omar, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan. Diiringi bersama Datuk Hj Hasanuddin, Ahli Parlimen, Hulu Langat dan En Mohd Fadzil Abdul Ghani, Pengurus Koperasi NSTP (M) Berhad.
3. Sebahagian tetamu yang hadir di Majlis Pelancaran Ar-Rahnu X'Change Koperasi NSTP, cawangan Bandar Seri Putra.

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN



4. Semua perwakilan menyanyikan lagu Sinar Koperasi.
5. Bacaan ikrar dari Anggota Lembaga sesi 2019/2022.
6. Perwakilan, kakitangan, anggota lembaga dan En Shahrul Aidil, SKM WP bergambar beramai-ramai.

PERTANDINGAN MEMANCING FISH ON PADA 28 SEPTEMBER 2019



7. En Mohd Fadzil Abdul Ghani, pengurus Koperasi NSTP bergambar bersama pemenang.
- 8-9. Peserta Pertandingan Memancing sedang asyik memancing di Kolam Man Ampang.

LAPORAN TAHUNAN | 2019

EDARAN PENYATA & KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN - DI SRI PENTAS, NSTP BANGSAR & CAWANGAN



KURSUS KAKITANGAN - PEMBANGUNAN JATI DIRI DAN TEAM BUILDING



13. Kakitangan khusyuk mendengar penerangan dari fasilitator.
14. Kakitangan Koperasi bergambar beramai-ramai setelah selesai kursus.

KEBAJIKAN

KARNIVAL KOPERASI DI PUTRAJAYA PADA 8 - 10 NOVEMBER 2019



- 15-16. Sesi serahan Anugerah Kecermelangan Pendidikan Koperasi NSTP.
17. Sumbangan khairat kepada waris Siti Nuramanda.
18. Butik Amoura, Rakan Niaga Koperasi NSTP membuka kaunter jualan.
19. Pelancaran dan Perasmian oleh KDYMM, Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong.

KAUNTER PROMOSI KEANGGOTAAN

AGIHAN BUBUR LAMBUK DI NSTP BANGSAR, SRI PENTAS



20. Sesi penerangan kepada kakitangan Sinar Harian, di NSTP Prai
21. Sesi penerangan kepada kakitangan CJ Wow Shop di Glenmarie, Shah Alam

NOTIS DAN AGENDA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-52

NOTIS DAN AGENDA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-52

DIBERITAHU, Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-52 akan diadakan pada Sabtu, 15 Ogos 2020 jam 8.30 malam di Bilik Mesyuarat, Thistle Hotel, KM16, Jalan Pantai Teluk Kemang, 71050 Port Dickson, Negeri Sembilan.

AGENDA MESYUARAT

ZULFAKAR WAHIB
Setiausaha
17 Julai 2020

MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-51

TARIKH

: 27 APRIL 2019 (21 SYAABAN 1440)

MASA

: 8.30 MALAM – 11.30 MALAM

TEMPAT

: BILIK MESYUARAT MARCO POLO 1 & 2
THE HATTEN HOTEL
HATTEN SQUARE, JALAN MERDEKA
BANDAR HILIR, 75000 MELAKA

HADIR

Pengerusi
Setiausaha
Bendahari
Penolong Setiausaha
Penolong Bendahari
Anggota Lembaga

: Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani
: Sdr. Zulfakar Wahib
: Sdr. Ahmad Shukran Mohamed Salleh
: Sdr. Baharuddin Ishak
: Sdr. Abd Rahim Llin
: Sdr. M Nasir Ramli
: Sdr. Khairuzzaman Mohamed
: Sdr. Mohamad Wafi Mohamad Arof
: Sdr. Salehudin Shah Shabudin
: Sdr. Mohamad Anis Abdullah
: Sdr. Kamarulzaman Pid
: Pn. Dauza Umat

Perwakilan

: 42 orang

Pemerhati

: 1 orang

TURUT HADIR

Penolong Pengarah

: En. Syahrul Aidil Mohamad Tajuddin
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Wilayah Persekutuan

Pengurus Besar

: Pn. Rodziah Jama'ah

Kakitangan

: 10 orang

TIDAK HADIR

Perwakilan

: 3 orang

LAPORAN TAHUNAN | 2019

KATA-KATA ALUAN PENGACARA MAJLIS

Sdr. Amir Mat Kupli (n.a 6827) selaku pengacara majlis mengalu-alukan kedatangan semua perwakilan dan En. Syahrul Aidil Mohamad Tajuddin, Penolong Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-51 yang berlangsung di Hatten Hotel, Bandar Hilir, Melaka.

BACAAN DOA SELAMAT

Sebelum mesyuarat dimulakan, Sdr. Mohamad Fakhri Abdul Koles (n.a 10044) membacakan doa selamat.

NYANYIAN LAGU NEGARAKU, KECEMERLANGAN KOPERASI DAN SINAR KOPERASI

Semua perwakilan, kakitangan dan tetamu yang hadir berdiri untuk menyanyikan lagu-lagu Negaraku, Kecemerlangan Koperasi dan Sinar Koperasi.

UCAPAN PENGERUSI KOPERASI NSTP (M) BERHAD

Pengerusi Koperasi, Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456) mengalu-alukan kehadiran En. Syahrul Aidil Mohamad Tajuddin, Penolong Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Persekutuan, Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman, semua perwakilan dan kakitangan koperasi.

Petikan daripada ucapan Pengerusi :

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia dan izinnya, sekali lagi dapat kita bersama-sama berhimpun untuk menjayakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-51.

Prinsip Koperasi adalah berasaskan prinsip tolong-menolong sesama masyarakat, menggunakan pendekatan ekonomi, membantu dari segi sosio-ekonomi anggotanya dan menikmati manfaat bersama.

Pengurusan Koperasi NSTP (M) Berhad, (KNSTP) telah menambah baik visi syarikat seiring dengan aliran semasa. Visi KNSTP adalah “Menjadi sebuah Koperasi yang memenuhi keperluan kewangan anggota dan orang ramai dengan memberi pelbagai perkhidmatan serta mesra pelanggan dan patuh syariah”

Misi KNSTP adalah :-

- Memberi kemudahan terbaik melalui tabungan, skim pembiayaan, skim perlindungan, skim kebajikan serta apa jua kemudahan yang bermanfaat kepada anggota dan masyarakat umum;
- Memenuhi kehendak anggota dengan memperkuatkan sosio-ekonomi;
- Meningkatkan prestasi kewangan yang bernilai tinggi;
- Menyediakan modal insan yang profesional & efisien serta patuh syariah;
- Menjadi koperasi 20 terbaik & terunggul di Malaysia;
- Meningkatkan pulangan kewangan dalam bentuk dividen dan bonus dengan kadar yang kompetitif;
- Mempelbagaikan aktiviti untuk menjana pendapatan;
- Menjadikan E-knstp sebagai saluran informasi dan komunikasi dalam urusan perkhidmatan;
- Memenuhi kebajikan anggota seiring dengan tanggungjawab sosial korporat.

LAPORAN TAHUNAN | 2019

Pada tahun 2018, pendapatan kasar KNSTP telah mencatat perbezaan sebanyak 6% berbanding 2017. Faktor ekonomi disamping faktor syarikat induk dalam isu Skim Pemberhentian Sukarela (MSS) turut mempengaruhi prestasi aktiviti koperasi. Pecahan pendapatan adalah 70% dari skim pembiayaan anggota dan 30% dari perkhidmatan pengguna, Ar-Rahnu, sewa bangunan dan lain-lain projek.

Perbelanjaan pentadbiran dan kewangan bagi tahun 2018 meningkat sebanyak 8% dan 24% berbanding 2017. Belanja kewangan meningkat disebabkan caj pembiayaan belian bangunan. Ini menyebabkan keseluruhan perbelanjaan meningkat sebanyak 12%.

Pada tahun 2018, untung bersih adalah RM778,912 dan anggota lembaga bercadang untuk mengagihkan dividen sebanyak 7% iaitu 4% atas modal syer dan 3% atas modal yuran.

KNSTP telah menuju aspirasi yang positif. Ini kerana, koperasi telah berjaya memperolehi pengiktirafan iaitu Sijil Pematuhan Syariah Angkasa, Kedudukan Ke-34 Terbaik di seluruh Malaysia dan Kedudukan Ke-18 Terbaik di Wilayah Persekutuan. Disamping meningkatkan prestasi tahunan, pengurusan KNSTP tidak lupa dalam memberi kebajikan kepada anggota.

Kini, KNSTP telah melestarikan perniagaan dengan membuka cawangan Ar-Rahnu kedua di Bandar Sri Putera, Bangi, sewaan kedai pejabat di Saville Kajang, kondominium di Nadi Bangsar dan Sri Tijanni, pelaburan dalam syarikat pelancongan Media Travel & Holidays Sdn Bhd, kerjasama dengan syarikat untuk memasarkan pusat latihan NSTP dan kios KNSTP di Glenmarie, jualan buku UPSR, klinik UPSR dan acara Liga Super Challenge.

Pelan perniagaan yang akan diceburi pada masa akan datang adalah perniagaan dobi dengan modal permulaan RM300,000.

Setiap kali mesyuarat agung, satu pertiga (1/3) dari anggota lembaga wajib mengosongkan jawatan secara bergilir gilir. Pada tahun ini, tujuh (7) calon yang layak telah menawarkan diri untuk bertanding jawatan tersebut seperti yang termaktub di dalam UUK Fasal 36. Adalah menjadi tanggungjawab para perwakilan untuk memilih calon pilihan masing masing, kerana anggota lembaga yang bakal dipilih ini akan membawa hala tuju koperasi menuju misi, visi dan objektif koperasi.

Akhir kata sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia, Datuk Seri Abdul Jalil Hamid, mantan Ketua Pegawai Eksekutif The NSTP (M) Berhad selaku Yang Dipertua Koperasi dan En. Syahrul Aidil Mohamad Tajuddin, Penolong Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Wilayah Persekutuan di atas kerjasama dan nasihat yang diberikan. Selain itu, setinggi penghargaan kepada pengurusan Media Prima Berhad dan syarikat yang bernaung dibawahnya, pengurusan dan pentadbiran KNSTP dan perwakilan yang telah menunjukkan komitmen demi menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-51.

UCAPAN PENOLONG PENGARAH SKM WILAYAH PERSEKUTUAN

En. Syahrul Aidil Mohamad Tajuddin, Penolong Pengarah SKM Wilayah Persekutuan mengalu-alukan kehadiran semua perwakilan yang hadir terutama Anggota Lembaga koperasi.

LAPORAN TAHUNAN | 2019

Petikan daripada ucapan Penolong Pengarah SKM :

Saya menyampaikan salam takzim dari En Amran Abdul Kadir, Pengarah SKM Wilayah Persekutuan kerana tidak dapat hadir untuk merasmikan mesyuarat agung perwakilan ini kerana perlu bertugas. Maka, saya diamanahkan pada hari ini untuk mewakili beliau.

Berdasarkan statistik, pendapatan dari koperasi di seluruh Malaysia pada tahun 2018 adalah 22 billion. Kementerian Pembangunan dan Usahawan telah mensasarkan pencapaian pada tahun 2019 adalah 55 billion. Bagi tujuan memastikan sasaran ini tercapai, pelbagai usaha telah dirancang oleh pihak SKM. Antaranya adalah konsortium koperasi yang menjalankan perniagaan Ar-Rahnu disamping sentiasa menggalakkan koperasi untuk menceburi bidang usahawan.

Sebelum mengakhiri ucapan dan seterusnya merasmikan mesyuarat agung ini, saya mengucapkan tahniah dan maju jaya kepada KNSTP dan berharap pelan perancangan yang disediakan berjalan dengan lancar.

PEMILIHAN PENGERUSI MESYUARAT

Sdr. Amir Mat Kupli (n.a 6827) merujuk kepada UUK Fasal 34(1), di mana ianya menyatakan bahawa "Pengerusi Koperasi hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung perwakilan dan sekiranya pengerusi tidak hadir, anggota lembaga yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan itu hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung tersebut." Oleh kerana, Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456), Pengerusi KNSTP hadir, maka beliau akan mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-51 ini.

KENYATAAN KORUM

Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456) selaku Pengerusi mesyuarat memaklumkan bahawa menurut Undang-undang Kecil Koperasi (UUK) Fasal 30(1) "Korum mesyuarat agung perwakilan yang diperlukan adalah satu pertiga dari jumlah perwakilan". Keseluruhan perwakilan adalah empat puluh lima (45) orang. Maka, satu pertiga (1/3) dari empat puluh lima (45) orang adalah lima belas (15) orang. Kehadiran pada hari ini adalah empat puluh dua (42) orang iaitu tiga (3) orang tidak dapat hadir. Berdasarkan kehadiran ini, ianya telah melebihi dari korum yang diperlukan, maka, mesyuarat ini boleh dijalankan.

PEMILIHAN PENCATAT MINIT

Bagi memenuhi tatacara mesyuarat, Pengerusi memohon cadangan bagi pemilihan dua (2) pencatat minit. Beliau mencadangkan dua pencatat minit adalah Pn. Rodziah Jama'ah (n.a 6768) dan Pn. Nor Amiza Azizi (n.a 9229) serta diselia oleh Sdr. Zulfakar Wahib (n.a 3220), Setiausaha Koperasi NSTP (M) Berhad.

Keputusan : Pemilihan dua (2) pencatat minit untuk Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-51 dicadang untuk diterima oleh Sdr Hj. Shukor Othman (n.a 2502) dan disokong oleh semua perwakilan.

Dengan perlantikan Pengerusi mesyuarat dan pemilihan dua (2) pencatat minit, Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-51 dimulakan.

LAPORAN TAHUNAN | 2019

DIBENTANG DAN DIBINCANGKAN

AGENDA 1 : MENGESEHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-50

Pengerusi membentangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-50. (Rujuk Laporan Tahunan 2018 muka surat 17 – 35). Beliau memaklumkan bahawa minit ini telah disahkan oleh Jawatankuasa Penentusah Minit yang telah dilantik.

Keputusan : Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-50 disahkan dengan cadangan oleh Sdr. Zaiponizam Hamzah (n.a 5968) dan disokong oleh Sdr. Hj. Shukor Hj. Othman (n.a 2502).

AGENDA 2 : PEMILIHAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA TAMAT TEMPOH JAWATAN

Pengerusi memaklumkan bahawa Anggota Lembaga yang telah tamat tempoh jawatan mengikut Undang-Undang Kecil 37 Fasal (1) pada tahun ini adalah seperti berikut:-

1. Sdr. Ahmad Shukran Mohamed Salleh (n.a 5222)
2. Sdr. Khairuzzaman Mohamad (n.a 4915)
3. Sdr. M. Nasir Ramli (n.a 4030)
4. Sdr. Mohammad Anis Abdullah (n.a 6619)

SENARAI CALON UNTUK JAWATAN ANGGOTA LEMBAGA

Pengerusi memaklumkan bahawa koperasi telah menerima tujuh (7) pencalonan untuk jawatan Anggota Lembaga iaitu:-

1. Sdr. Hj. Shukor Hj. Othman (n.a 2502)
2. Sdr. Ahmad Shukran Mohamed Salleh (n.a 5222)
3. Sdr. Mohammad Anis Abdullah (n.a 6619)
4. Sdr. Mohd Azlee Abdul Aziz (n.a 4059)
5. Sdr. Khairi Abdul Khalid (n.a 8212)
6. Sdr. M. Nasir Ramli (n.a 4030)
7. Sdr. Khairuzzaman Mohamad (n.a 4915)

Semua calon di atas telah diberi masa dua (2) minit untuk memperkenalkan diri dan menyatakan wawasan mereka untuk koperasi.

AHLI JAWATANKUASA DISIPLIN

Pengerusi memaklumkan bahawa Ahli Jawatankuasa Disiplin telah ditubuhkan yang terdiri daripada:-

- | | |
|---|------------|
| Pengerusi : Sdr. Abdul Rahim Llin | (n.a 5261) |
| AJK : Sdr. Mohamad Yahya | (n.a 6786) |
| : Sdr. Mohd Hafiz Mohamad Ghazali | (n.a 8424) |
| : Sdr. Rameshdev Singh a/l Gordeyap Singh | (n.a 8176) |

LAPORAN TAHUNAN | 2019

PEMILIHAN AHLI JAWATANKUASA PENGIRA UNDI

Sebelum memulakan agenda ini, Pengerusi mencadangkan supaya Ahli Jawatankuasa Pengira Undi adalah seperti berikut :-

Ketua	:	Pn. Azlina Ibrahim	(n.a 6656)
AJK	:	Pn. Zuliza Jumai	(n.a 8338)
	:	Sdri. Hanisah Munirah Abd Rahimi	(n.a 10376)
	:	Pn. Nazirah Abd Manap	(n.a 10181)

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan.

PROSES PENGUNDIAN DIJALANKAN

Pn. Rodziah Jama'ah (n.a 6768) menerangkan tentang prosidur pengundian kepada semua perwakilan di mana setiap perwakilan perlu beratur kepada tiga (3) barisan dan menyerahkan kupon undi untuk ditukarkan kepada borang undi melalui AJK Pengira Undi yang telah dilantik. Pembuangan undi akan dilakukan di meja yang telah ditetapkan sahaja. Calon yang dibenarkan untuk dipilih adalah maksimum empat (4) orang sahaja.

Mesyuarat diteruskan sementara proses pengiraan undian dijalankan.

KEPUTUSAN UNDIAN

Diakhir mesyuarat, Pengerusi mengumumkan keputusan undian bagi empat (4) calon yang berjaya mendapat undian tertinggi adalah seperti berikut :-

1. Sdr. Mohammad Anis Abdullah (n.a 6619) 27 undian
2. Sdr. Khairi Abdul Khalid (n.a 8212) 26 undian
3. Sdr. Khairuzzaman Mohamad (n.a 4915) 25 undian
4. Sdr. Ahmad Shukran Mohamed Salleh (n.a 5222) 23 undian

Keputusan : Berdasarkan undian tersebut, keempat-empat nama di atas dilantik sebagai Anggota Lembaga sesi 2019/2022.

BACAAN IKRAR & PENYERAHAN SIJIL PERLANTIKAN

Keempat-empat Anggota Lembaga bagi sesi 2019/2022 yang dilantik membaca ikrar di hadapan semua perwakilan diakhir mesyuarat.

Pengerusi menyerahkan sijil perlantikan sebagai Anggota Lembaga bagi sesi 2019/2022.

AGENDA 3 : MENERIMA DAN MELULUSKAN LAPORAN-LAPORAN

A) LAPORAN LEMBAGA BAGI TAHUN 2018

Pengerusi membentangkan Laporan Lembaga Bagi Tahun 2018. Laporan ini termasuk Laporan Jawatankuasa Kecil yang terdiri daripada :-

- a) Jawatankuasa Kewangan, Pentadbiran & Modal Insan
- b) Jawatankuasa Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Coopmart
- c) Jawatankuasa Kutipan, Litigasi & Pengurusan Risiko
- d) Jawatankuasa Komersial & Bisnes
- e) Jawatankuasa Ar-Rahnu
- f) Jawatankuasa Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi

Rujuk Laporan Tahunan 2018 (muka surat 36-65).

LAPORAN TAHUNAN | 2019

Pengerusi memaklumkan bahawa setiap ahli jawatankuasa mempunyai peranan masing-masing. Contoh : JKK Risiko, bertanggungjawab mengkaji risiko sesuatu perniagaan. JKK Keanggotaan & Komunikasi adalah untuk membincangkan aduan dari anggota, sekiranya ada dan juga hebahan maklumat.

Sdr. Mohd Azlee Abdul Aziz (n.a 4059) meminta kepastian bilangan sebenar mesyuarat lembaga diadakan pada tahun 2018. Ini kerana, ayat pertama menyatakan tiga belas (13) kali, namun di dalam jadual adalah enam belas (16) kali mesyuarat.

Pengerusi menyatakan mesyuarat diadakan sebanyak 16 kali pada tahun 2018.

Keputusan : Laporan Lembaga bagi Tahun 2018 telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Pn. Junaidah Harun (n.a 5996) dan disokong oleh Pn. Ismawaty Binti Mohamad. (n.a 5971).

B) LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI SESI 2018/2019

Pengerusi membentangkan laporan di atas. Rujuk Laporan Tahunan 2018 (muka surat 66 – 67).

Keputusan : Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Bagi Sesi 2018/2019 telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Hj Shukor Hj. Othman (n.a 2502) dan disokong oleh Sdr. Khairi Abdul Khalid (n.a 8212).

C) LAPORAN JURUAUDIT LUAR DAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Sdr. Ahmad Shukran Mohamed Salleh (n.a 5222) selaku Bendahari KNSTP membentangkan Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018. Rujuk Laporan Tahunan 2018 (muka surat 70 - 116).

Sdr. Mohd Azlee Abdul Aziz (n.a 4059) memohon kepastian terma yang betul samada modal syer atau modal saham. Ini kerana, ianya tidak seragam antara laporan di Kunci Kira-kira dan Akaun Pembahagian Keuntungan.

Pn. Rodziah Jamaah (n.a 6768) memaklumkan bahawa terma sebenar adalah modal syer sebagaimana yang disahkan oleh En. Syahrul Aidil Mohamad Tajuddin, Penolong Pengarah SKM WP.

Sdr. Mohd Azlee Abdul Aziz (n.a 4059) syor terma ini diseragamkan di dalam semua laporan-laporan.

Pengerusi merujuk kepada Nota 19 : Tabung dan Lain-lain Kumpulan Wang dalam Laporan Tahunan 2018 (muka surat 103). Beliau menyatakan bahawa salah satu kegunaan Tabung Perlindungan Pembiayaan adalah melindungi koperasi dari mengalami kerugian disebabkan salah laku kakitangan atau anggota lembaga koperasi. Sebelum penggunaan Tabung Perlindungan Pembiayaan, beberapa prosidur perlu dilakukan seperti laporan polis dan semakan audit dari Jawatankuasa Audit Dalam.

Keputusan : Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018 telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Mohd Azlee Abdul Aziz (n.a 4059) dan disokong oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979).

**D) PANDANGAN KETUA PENDAFTAR KE ATAS AKAUN KOPERASI BERAKHIR 31
DISEMBER 2017**

Pengerusi membentangkan Pandangan Ketua Pendaftar ke atas Akaun Koperasi Berakhir 31 Disember 2017. Rujuk Laporan Tahunan 2018 (muka surat 68 - 69).

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) mempersoalkan kenapa dokumen Pandangan Ketua Pendaftar ini tiada tandatangan.

Pn. Rodziah Jama'ah (n.a 6768) menjelaskan bahawa dokumen Pandangan Ketua Pendaftar dikeluarkan oleh pihak Koperasi dari sistem maklumat SKM. Bermula pada tahun 2017, dokumen ini tidak lagi dihantar melalui pos atau tangan. Setiap koperasi perlu menyemak dan membuat cetakan sendiri di sistem tersebut.

Keputusan : Pandangan Ketua Pendaftar ke Atas Akaun Koperasi 31 Disember 2017 telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) dan disokong oleh Sdr. Mohammad Asyadi Omar (n.a 7692).

**AGENDA 4 : MELULUSKAN PEMBAYARAN DIVIDEN SEPERTI YANG DISYORKAN OLEH
LEMBAGA DI DALAM LAPORAN LEMBAGA**

Pengerusi memaklumkan Lembaga mengesyorkan kadar dividen adalah tujuh peratus (7%) iaitu :-

Empat peratus (4%) atas modal syer berjumlah RM 91,064
Tiga peratus (3%) atas modal yuran berjumlah RM526,856

Sdr. Zaiponizam Hamzah (n.a 5968) memohon penjelasan cara kiraan dividen tersebut.

Pengerusi memaklumkan bahawa contoh kiraan adalah seperti berikut:-

Empat peratus x modal syer RM1,000	=	RM 40.00
Tiga peratus x modal yuran RM5,000	=	RM150.00
Maka, jumlah dividen	=	RM190.00

Keputusan : Pemberian dividen dengan kadar empat peratus (4%) atas modal syer dan tiga peratus (3%) atas modal yuran sepetimana yang disyorkan oleh Lembaga di dalam Laporan Lembaga diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Zaiponizam Hamzah (n.a 5968) dan disokong oleh Sdr. Shariff Ibrahim (n.a 2241).

AGENDA 5 : MENERIMA DAN MELULUSKAN
a) SKIM PELABURAN SIMPANAN TETAP

Pengerusi memaklumkan bahawa skim ini diwujudkan adalah untuk memberi peluang kepada anggota yang mempunyai wang lebih untuk melabur di koperasi dan secara tidak langsung membantu koperasi dalam memberi suntikan modal dalam melaksanakan aktiviti.

Sdr. Shariff Ibrahim (n.a 2241) mempersoalkan tentang kadar keuntungan adalah 4.10 peratus sehingga 4.50 peratus.

Pengerusi memaklumkan bahawa kadar keuntungan adalah anggaran dan dijangka dalam lingkungan kadar tersebut.

Keputusan : Skim Pelaburan Simpanan Tetap yang dibentang telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Hj. Shukor Hj. Othman (n.a 2502) dan disokong oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979).

b) PINDAAN ATURAN TABUNG KEBAJIKAN AM

Sdr. Zulfakar Wahib (n.a 3220) selaku Setiausaha membentangkan pindaan dengan meminta semua perwakilan merujuk Buku Lampiran muka surat 4.

Beliau memaklumkan bahawa setiap manfaat yang dipohon, memerlukan dokumen sokongan yang bersesuaian seperti sijil kelahiran, laporan doktor, gambar bencana yang melibatkan rumah kediaman anggota dan sebagainya. Beliau memaklumkan bahawa walaupun suami isteri adalah anggota koperasi, mereka layak untuk membuat permohonan.

Sdr. Mohd Saqairi Hassan (n.a 6875) kurang faham tentang kenyataan, “sumbangan akan diberikan sekali dalam tempoh menjadi anggota”.

Setiausaha menjelaskan bahawa sebagai contoh, anggota memohon manfaat kebajikan sebab banjir. Pihak koperasi akan memberi manfaat tersebut sekali sahaja kerana kemungkinan besar, bencana ini akan berlaku setiap tahun.

Sdr. Zairani Zamri (n.a 5239) memohon kepastian samada “sumbangan diberikan sekali dalam tempoh menjadi anggota” bagi semua manfaat atau berasingan.

Setiausaha memaklumkan bahawa ianya berasingan mengikut jenis manfaat.

Pn. Junaidah Harun (n.a 5996) ingin mengetahui jika ada anggota yang mempunyai anak yang beza umur adalah setahun dan pada tahun 2020, anak pertama masuk darjah satu dan juga tahun-tahun berikutnya. Oleh itu, “ sumbangan diberi sekali dalam tempoh menjadi anggota” adalah tidak bersesuaian.

Sdr. Mohd Redzuan Ab Rahman (n.a 5234) pula ingin mengetahui jika anak kembar, adakah kedua-duanya layak menerima sumbangan kemasukan darjah satu.

Setiausaha memaklumkan bahawa semasa cadangan ini dibincangkan, isu-isu seperti ini tidak timbul. Ahli jawatankuasa akan berbincang dan mengkaji semula aturan dengan mengambil kira segala isu yang dikemukakan.

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) mengesyorkan supaya manfaat iaitu kemasukan anak darjah satu adalah terbuka. Beliau juga ingin mengetahui bagaimana kadar sumbangan RM100 tersebut ditetapkan.

Setiausaha memaklumkan bahawa RM100 adalah mengikut amaun yang diberikan oleh kerajaan. Di masa akan datang, sekiranya ada tambahan amaun manfaat, ianya boleh dimasukkan dalam usul.

Pengerusi memaklumkan bahawa Tabung Kebajikan Am tidak mempunyai sumber kecuali agihan dari untung bersih. Oleh itu, bagi tujuan menambah manfaat kebajikan, koperasi perlu mendapatkan sumber tambahan. Salah satu cara adalah dengan sumbangan tahunan dari anggota.

Setiausaha memaklumkan bahawa pelbagai cadangan diterima berkenaan jumlah sumbangan yang akan dikenakan ke atas anggota dan setelah dikaji, anggota lembaga mencadangkan sumbangan RM5 dari dividen adalah sebaik-baik keputusan. Dengan cara ini, anggota dapat membantu anggota lain yang memerlukan.

Pn. Junaidah Harun (n.a 5996) memaklumkan kemungkinan, ada anggota yang tidak bersetuju dengan cadangan ini.

LAPORAN TAHUNAN | 2019

Setiausaha menyatakan bahawa sekiranya perwakilan tidak bersetuju dengan cadangan, anggota lembaga terpaksa menerima keputusan tersebut. Sekiranya keputusan adalah bersetuju, semua perwakilan perlu memberikan maklum balas yang positif kepada ahli yang mempersoalkan perkara ini.

Sdr. Mohd Saqairi Hassan (n.a 6875) mencadangkan sumbangan ditolak dari dividen ini tertera dalam borang pengeluaran dividen.

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) mencadangkan supaya perkara ini dimaklumkan di dalam notis.

Setiausaha akan mengambil kira kedua-dua cadangan tersebut.

Sdr. Mohd Redzuan Abd Rahman (n.a 5234) ingin mengetahui maksud penyakit kronik.

Setiausaha menjelaskan penyakit kronik adalah 36 penyakit yang telah diputuskan oleh syarikat perlindungan takaful. Pemohon perlu memberikan dokumen seperti surat doktor sebagai pengesahan menghadapi penyakit kronik.

Keputusan : Pindaan Tabung Kebajikan Am yang dibentang telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Zairani B Zamri (n.a 5239) dan disokong oleh Sdr. Mohd Redzuan Ab Rahman (n.a 5234).

c) ATURAN KELAYAKAN SKIM PEMBIAYAAN ANGGOTA DARI KALANGAN KAKITANGAN KONTRAK, RAKAN NIAGA DAN AHLI KELUARGA

Setiausaha membentangkan Aturan Kelayakan Skim Pembayaran dari kalangan Kakitangan Kontrak, Rakan Niaga dan Ahli Keluarga. Rujuk Buku Lampiran muka surat 5.

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) mohon perjelasan maksud rakan niaga.

Setiausaha menjelaskan rakan niaga adalah rakan niaga KNSTP dan Media Prima Berhad. Sebagai contoh : Media Travel Sdn Bhd dan Citylink. Beliau memaklumkan bahawa koperasi telah menghantar surat tawaran kepada pengurusan Sinar untuk membenarkan kakitangan Sinar di Prai menjadi anggota koperasi. Namun, sehingga kini, masih dalam proses kerana syarat utama adalah persetujuan potongan gaji dari majikan.

Keputusan : Aturan Kelayakan Skim Pembayaran Anggota dari kalangan Kakitangan Kontrak, Rakan Niaga dan Ahli Keluarga telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Zaiponizam Hamzah (n.a.5968) dan disokong oleh Pn. Junaidah Harun (n.a 5996).

AGENDA 6 :

MENGESAHKAN PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI NSTP

Setiausaha memaklumkan bahawa Anggota Lembaga mengesyorkan Undang-undang Kecil untuk Fasal Penama dipinda. Rujuk Buku Lampiran muka surat 6.

Ini kerana, sekiranya tiada penama, sukar bagi pihak koperasi untuk selesaikan baki simpanan simati di koperasi. Selain itu, contoh, sebelum kahwin, anggota tersebut meletakkan penama adalah ibu. Apabila meninggal dunia, meninggalkan isteri dan anak-anak. Setelah menghubungi waris, adik beradik simati membuat tuntutan. Mengikut faraid, abang simati adalah layak menuntut. Oleh yang demikian, beliau memohon supaya memberi kebenaran kepada anggota lembaga untuk membuat keputusan, siapa yang layak sebagai penama.

LAPORAN TAHUNAN | 2019

Sdr. Hj Shukor Hj. Othman (n.a 2502) meminta penjelasan bagi anggota yang mempunyai dua isteri.

Setiausaha menyatakan bahawa atas sebab situasi seperti ini, pindaan dibuat kerana isteri pertama adalah yang paling layak.

Pengerusi menjelaskan bahawa pindaan Undang-undang Kecil akan dihantar ke SKM untuk penilaian dan kelulusan.

Keputusan : Pindaan Undang-undang Kecil telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Zaiponizam Hamzah (n.a.5968) dan disokong oleh Sdr. Hj. Shukor Hj. Othman (n.a 2502).

- AGENDA 7 :** **MENGESAHKAN**
a) **ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2020**
b) **PINDAAN ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2019**

Pengerusi membentangkan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2020 dan Pindaan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2019. Rujuk Laporan Tahunan 2018 (muka surat 117 – 118).

Pengerusi memaklumkan bahawa anggaran keuntungan tahun 2019 yang diluluskan pada tahun 2018 amat sukar untuk dicapai berdasarkan ekonomi sekarang terutama pengurangan anggota disebabkan pemberhentian sukarela.

Keputusan : Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun 2020 dan Pindaan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2019 telah diterima dan disahkan atas cadangan oleh Pn. Junaidah Harun (n.a 5996) dan disokong oleh Pn. Ismawaty Mohamad (n.a 5971).

- AGENDA 8 :** **MELANTIK JURUAUDIT LUAR BAGI TAHUN 2019**

Pengerusi memaklumkan bahawa Juruaudit Luar bagi tahun kewangan 2018 adalah Kamal Zahari & Co. Senarai nama Juruaudit Luar yang perlu dilantik adalah seperti berikut :-

- i) Al-Jeffri Dean Chartered Accountant
- ii) Kamal Zahari & Co
- iii) Afrizan Tarmili Khairul Azhar Chartered Accountants
- iv) Hisham & Co Chartered Accountants (Malaysia) Berhad

Keputusan : Anggota Lembaga diberikan hak untuk memutuskan perlantikan Juruaudit Luar Koperasi yang bertauliah bagi tahun 2019 kerana pengurusan lebih arif dalam pelantikan atas cadangan oleh Sdr. Shariff Ibrahim (n.a 2241) dan disokong oleh Sdr. Abdul Aziz Ibrahim (n.a 6893).

- AGENDA 9 :** **MEMBERI KUASA KEPADA LEMBAGA MEMINJAM WANG TIDAK MELEBIHI RM300,000,000 (RINGGIT MALAYSIA : TIGA RATUS JUTA SAHAJA) DENGAN KADAR FAEDAH PASARAN SEMASA**

Pengerusi memaklumkan bahawa KNSTP tidak menggunakan keseluruhan RM300,000,000 yang dipohon. Lembaga akan meminjam wang mengikut kegunaan dan keperluan.

LAPORAN TAHUNAN | 2019

Keputusan : Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga meminjam wang tidak melebihi RM300,000,000 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dengan kadar keuntungan bank semasa telah diluluskan atas cadangan oleh Roslan Baharuddin (n.a 1979) dan disokong oleh Sdr. Ahmad Juanda Bin Mohamed Yasir (n.a 6687)

AGENDA 10 : **MEMBERI KUASA KEPADA LEMBAGA MELABUR TIDAK MELEBIHI RM300,000,000 (RINGGIT MALAYSIA : TIGA RATUS JUTA SAHAJA) DARI WANG LEBIHAN KOPERASI**

Keputusan : Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga melabur tidak melebihi RM300,000,000 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dari wang lebihan koperasi telah diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) dan disokong oleh Sdr. Ahmad Juanda Mohamed Yasir (n.a 6687).

AGENDA 11 : **MELANTIK 10 ORANG JAWATANKUSAU UNTUK MENENTUSAH DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-51 YANG TERDIRI DARIPADA:-**

EMPAT (4) ORANG : ANGGOTA LEMBAGA

ENAM (6) ORANG : PERWAKILAN

Pengerusi memaklumkan bahawa empat (4) orang Anggota Lembaga sebagai Jawatankuasa untuk Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-51 akan ditentukan oleh Anggota Lembaga.

Pencalonan untuk enam (6) orang perwakilan sebagai Jawatankuasa untuk Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-51 adalah seperti berikut :-

Cadangan pertama	: Sdr. Shariff Ibrahim	(n.a 2241)
Dicadang oleh	: Sdr. Zaiponizam Hamzah	(n.a 5968)
Disokong oleh	: Sdr. Mohd Azlee Abdul Aziz	(n.a 4059)
Cadangan kedua	: Sdr. Ahmad Juanda Mohamed Yasir	(n.a 6687)
Dicadang oleh	: Sdr. Roslan Baharuddin	(n.a 1979)
Disokong oleh	: Sdr. Mohd Fauzi Abu	(n.a 8143)
Cadangan ketiga	: Sdr. Zairani Zamri	(n.a 5239)
Dicadang oleh	: Sdr. Mohd Redzuan Ab Rahman	(n.a 5234)
Disokong oleh	: Sdr. Mohd Saqairi Hassan	(n.a 6875)
Cadangan keempat	: Sdr. Ahmad Nizam Eusoff	(n.a 5660)
Dicadang oleh	: Sdr. Roslan Baharuddin	(n.a 1979)
Disokong oleh	: Sdr. Zaiponizam Hamzah	(n.a 5968)
Cadangan kelima	: Sdr. Mohd Saqairi Hassan	(n.a 6875)
Dicadang oleh	: Sdr. Zairani Zamri	(n.a 5239)
Disokong oleh	: Sdr. Mohd Redzuan Ab Rahman	(n.a 5234)
Cadangan keenam	: Sdr. Ismawaty Mohamad	(n.a 5971)
Dicadang oleh	: Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani	(n.a 6456)
Disokong oleh	: Sdr. Mohamad Yahya	(n.a 6786)

Sdr. Hj. Shukor Hj. Othman (n.a 2502) mencadangkan supaya cadangan ditutup.

Keputusan : Dengan cadangan di atas, mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk menutup pencalonan dan melantik enam (6) orang perwakilan seperti nama di atas sebagai Jawatankuasa Menentusah Minit Ke-51.

AGENDA 12 :

MENIMBANGKAN USUL DAN LAIN-LAIN PERKARA DI MANA NOTIS TELAH DIBERIKAN SECARA BERTULIS SEKURANG-KURANGNYA TUJUH (7) HARI SEBELUM TARikh MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-51

Setiausaha memaklumkan bahawa koperasi menerima sepuluh (10) usul dari perwakilan. Rujuk Buku Lampiran (muka surat 7 – 9).

Mesyuarat menerima ulasan dari Anggota Lembaga untuk tujuh (7) usul-usul yang dikemukakan. Manakala, menerima ulasan dengan penjelasan tambahan untuk tiga (3) usul-usul berikut:-

Usul Ke-6 : Ahli merasakan harga barang di Coopmart jauh mahal harganya dari kedai Speedmart atau Petronas Contoh : Biskut

Sdr. Khairi Abdul Khalid (n.a 8212) memaklumkan bahawa ahli jabatan pengarang kerap membeli di Speedmart dan mendapat harga biskut lebih mahal di Coopmart.

Setiausaha memaklumkan bahawa harga di Speedmart rendah sebab mengambil stok secara pukal. Walaubagaimanapun ada barang yang di Coopmart dijual lebih murah seperti air nescafe.

Usul Ke-7 : Ahli Jabatan Pengarang mohon waktu urusniaga Coopmart dilanjutkan sehingga 8 malam atau 9 malam.

Sdr. Khairi Abdul Khalid (n.a 8212) memaklumkan bahawa perkhidmatan ini adalah untuk kakitangan yang bekerja shif malam.

Setiausaha mengambil kira cadangan dan pengurusan koperasi akan membuat kajian tentang cadangan ini kerana ianya akan melibatkan kos tambahan iaitu eluan lebih masa kakitangan.

